UNTUK SIARAN SEGERA

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA OLEH DATO' PENGELOLA BIJAYA DIRAJA PEJABAT KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN TERENGGANU

PUTRAJAYA, 24 Oktober 2026 – Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu telah mengeluarkan kenyataan seperti berikut:

Menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Terengganu, dukacita dimaklumkan bahawa dengan kehendak Allah Subhanahu Wata'ala, Yang Amat Mulia Dato' Seri Dr. Tengku Baderul Zaman ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu telah kembali ke rahmatullah pada hari ini, Sabtu, 24 Oktober 2026 jam 1.20 pagi di Gleneagles Hospital, Kuala Lumpur.

Penghormatan terakhir dan Istiadat Pemakaman Allahyarham Tengku Baderul Zaman ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah adalah sebagaimana berikut:-

24 Oktober 2026 bersamaan
13 Jamadilawal 1448 (Sabtu)

Jam 1.15 Petang
- Jenazah dijangka tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Nerus dengan Pesawat Khas;
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja akan menyambut jenazah di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Nerus;
- Jenazah akan dibawa ke Balai Islam untuk penghormatan terakhir.

4.13 Petang
- Solat Asar;
- Solat Jenazah;
- Jenazah akan dibawa ke Makam DiRaja Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Ladang, Kuala Terengganu dengan Van Jenazah;
- Jenazah tiba di Makam DiRaja Masjid Al-Muktafi Billah Shah, Ladang, Kuala Terengganu;
- Istiadat Pemakaman.
- Bersurai.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Terengganu juga telah mengampuni perkenan tempoh berkabung selama tiga (3) hari mulai pada hari ini 24 Oktober 2026 sehingga 26 Oktober 2026.

..3/-

Peraturan Pakaian

a) Lelaki Melayu beragama Islam hendaklah memakai 1 inci lilitan kain putih pada songkok;

b) Lelaki bukan beragama Islam hendaklah memakai 1 inci lilitan kain putih pada songkok serta memakai selilit kain hitam selebar 3 inci di lengan baju sebelah kiri dan memakai tali leher berwarna hitam.

c) Perempuan Melayu beragama Islam hendaklah memakai tudung berwarna putih.

d) Perempuan bukan Islam hendaklah memakai selilit kain hitam selebar 3 inci di lengan.

Majlis Tahlil akan diadakan tiga (3) malam berturut-turut di Balai Islam, Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu sebagaimana berikut:-

Malam Pertama (24 Oktober 2026)

Jam	7.45 malam	-	Ketibaan Dif;
	8.02 malam	-	Solat Isya';
		-	Bacaan Yaasiin.
		-	Tahlil
		-	Salawat;
		-	Jamuan;
		-	Bersurai.

Malam Kedua (25 Oktober 2026)

Jam	6.30 petang	-	Ketibaan Dif;
	6.52 petang	-	Solat Maghrib;
		-	Bacaan Yaasiin.
		-	Tahlil;
	8.02 malam	-	Solat Isya';
		-	Salawat;
		-	Jamuan;
		-	Bersurai.

Malam Ketiga (26 Oktober 2026)

Jam	6.30 petang	-	Ketibaan Dif;
	6.52 petang	-	Solat Maghrib;
		-	Bacaan Yaasiin.
		-	Tahlil;
	8.02 malam	-	Solat Isya';
		-	Salawat;
		-	Jamuan;
		-	Bersurai.

Sekian.

Yang Menjunjung Titah,

DATO' HAJI MOHD SOPHIAN BIN ABU BAKAR

Bilik Berita
Bahagian Media dan Komunikasi Korporat
Jabatan Penerangan Malaysia